

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 9/2007**

=====

**KELULUSAN PERMIT SEMENTARA
BAHAN-BAHAN (TANAH MERAH)
DI BAWAH BIDANG KUASA PENTADBIR TANAH DAERAH**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Perumahan Bil 7/2007 bertarikh 11 September 2007 berhubung kuasa meluluskan permit sementara bahan batuan (tanah merah) oleh Pentadbir Tanah Daerah. .

2. LATARBELAKANG

2.1 Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Perumahan Bil.2/2006, YAB Menteri Besar Selangor selaku pengerusi telah mengarahkan semua permohonan permit bahan-batuan dipertimbangkan dan diluluskan melalui STANCO Tanah.

- 2.2 Sebelum ini semua kelulusan permit bahan-batuan (tanah merah) adalah di bawah kuasa Pentadbir Tanah Daerah sahaja. Walau bagaimanapun **jika permohonan permit tanah merah tersebut dikategorikan sebagai permohonan bermasalah iaitu melibatkan tanah kerajaan dan tanah anak syarikat kerajaan negeri**, permohonan tersebut perlu diangkat untuk **kelulusan STANCO Tanah**.
- 2.3 Merujuk kepada keputusan **STANCO Tanah Bil.2/2003**, Pentadbir Tanah Daerah akan memperakukan semua permohonan yang telah lengkap kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS). Pihak Pejabat Tanah dan Galian akan bertindak sebagai urusetia untuk urusan memproses semua permohonan permit bahan batuan (tanah merah) untuk kelulusan STANCO Tanah.
3. **DASAR KELULUSAN PERMOHONAN PERMIT BAHAN BATUAN TANAH MERAH DI BAWAH BIDANG KUASA PENTADBIR TANAH MERAH:**

- 3.1 Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Perumahan pada 11 September 2007 telah bersetuju untuk memulangkan semula kuasa kelulusan permit bahan-batuan(tanah merah) kepada pentadbir tanah. Walau bagaimanapun kelulusan tertakluk kepada perkara berikut:

- i) **Kelulusan permit bahan batuan hanya melibatkan tanah merah sahaja.**
- ii) **Permit kelulusan tidak melebihi sebulan.**
- iii) Pentadbir tanah perlu memaklumkan kepada Jawatankuasa semua permit yang telah diluluskan olehnya untuk tujuan pengendosan keputusan dan **untuk kelulusan tambahan jika permohonan permit adalah melebihi daripada satu bulan untuk tujuan pengendorsan oleh Jawatankuasa.**

3.2 Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk mematuhi dasar-dasar berikut sebelum kelulusan permit sementara;

- i) Hanya melibatkan **tanah hakmilik sahaja dan keluasan tanah tidak boleh melebihi 10 ekar.**
- ii) Pengeluaran tanah merah bertujuan untuk kerja-kerja untuk pembangunan dimana **pelan kerja tanah telah diluluskan** oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii) Kadar pengeluaran tanah merah **tidak melebihi 50,000 meter padu dengan tempoh permit selama sebulan.**

- iv) Pengeluaran tanah merah untuk tujuan sektor pembuatan batu bata dan lain-lain.
- v) Tujuan pertanian pengeluaran permit untuk mendapat tanah “top soil” sahaja.
- vi) Permohonan tanah merah adalah untuk merata dan penambakkan tanah untuk tujuan pertanian atau bangunan kediaman.
- vii) Melibatkan projek Kerajaan Negeri atau kerajaan Persekutuan. **Pengeluaran permit berdasarkan kepada kelulusan pelan kerja kawasan yang terlibat sahaja.** Ini meliputi projek pembesaran jalan atau pembinaan bangunan awam dan kerajaan.
- viii) **Kelulusan permit untuk tanah milik kerajaan dan tanah milik anak syarikat Kerajaan Negeri perlu diangkat untuk pertimbangan STANCO Tanah.**

3.3 Semua ulasan teknikal perlu dipatuhi sepenuhnya. **Sebarang pelanggaran syarat membolehkan Pentadbir Tanah membatalkan permit dengan serta merta.**

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh pekeling ini dikeluarkan.

T.T

(ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 19 September 2007